

# USIM hasil lagu patriotik menerusi CIPTA 2012

SEREMBAN 26 Jun - Urus Setia Kesenian Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya menghasilkan sebanyak 23 buah lagu patriotik menerusi Program Saya Anak Merdeka (PSAM) yang diadakan di universiti berkenaan di Nilai dekat sini baru-baru ini.

Program tersebut dianjurkan bersempena inisiatif CIPTA 2012 yang merupakan aktiviti tahunan anjuran USIM dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia sejak 2008.

Menurut Pegawai Kebudayaan USIM, Ismail Ahmed, pertandingan mencipta lirik dan lagu patriotik bertujuan meningkatkan kemahiran insaniah, di samping menerapkan nilai murni serta memupuk semangat patriotik serta cintakan negara dalam diri mahasiswa.

"Saya berbangga dan bersyukur kerana akhirnya kami berjaya menyiapkan 23 buah lagu hanya dalam masa dua hari dengan dibantu tenaga pengajar profesional dan semua mahasiswa USIM yang begitu komited dalam menjayakan PSAM kali ini.

"Untuk makluman, kita berjaya menghasilkan sebanyak enam buah lagu dan satu klip video Jiwa



**SEBAHAGIAN** penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang terlibat dalam Program Saya Anak Merdeka (PSAM) sempena CIPTA 2012 yang diadakan di universiti berkenaan di Nilai, dekat Seremban, baru-baru ini.

Berpadu 1Malaysia yang telah diterbitkan pada tahun lalu dan kini sedang menunggu kelulusan un-

tuk siaran RTM," katanya di sini baru-baru ini.

Jelasnya, PSAM juga selari de-

ngan aspirasi pengurusan USIM yang mahukan mahasiswa menyemai kukuh perasaan keprihatinan

kepada keadaan masyarakat yang kurang bernasib baik seperti penghuni penjara dan seterusnya menjadi warga yang dihormati oleh masyarakat Malaysia.

"Pada Mei lalu, para peserta telah didedahkan dengan kemahiran mencipta lirik melalui Kursus Penulisan Lirik Patriotik yang dikendalikan komposer dan penulis lirik terkenal tanah air, Syed Indera Syed Omar yang lebih dikenali sebagai Siso.

"Selain dari modul tersebut, kita turut menjemput tenaga pengajar yang terkenal dengan lagu ciptaannya, Kekasih Awal dan Akhir nyanyian Jamal Abdillah iaitu komposer Fauzi Marzuki," ujarnya.

Tambahnya, kursus itu membuka peluang kepada penuntut USIM mempelajari kaedah-kaedah mencipta lagu secara profesional semasa Kursus Penciptaan Lagu Patriotik yang merupakan sebahagian daripada modul PSAM 2012.

"Kolaborasi antara USIM dan Jabatan Penjara Malaysia bakal menghasilkan gabungan lirik dan lagu patriotik yang penuh variasi dan menggunakan pendekatan kontemporari, sesuai dengan selera semua lapisan masyarakat Malaysia," katanya.